

# Indeks petunjuk ekonomi kembali meningkat

**Indeks Pelopor** (IP) kembali pulih kepada 0.3 peratus dengan 110.1 mata pada Disember 2023, memberi gambaran prospek ekonomi yang lebih baik dalam masa terdekat, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

IP ialah alat yang digunakan untuk menjangkakan arah aliran ekonomi secara purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata pertumbuhan

ekonomi Malaysia dijangka menunjukkan prestasi yang lebih baik pada suku kedua 2024.

Beliau berkata, ia disokong oleh IP yang pulih ke trajektori positif sebanyak 0.3 peratus untuk mencapai 110.1 mata pada Disember 2023 berbanding 109.8 mata pada bulan sama tahun sebelumnya.

"Ini adalah pertumbuhan positif yang pertama selepas penurunan sembilan bulan berturut-turut, didorong oleh lonjakan

dalam bilangan unit kediaman diluluskan pembinaan (41.5 peratus) berbanding negatif 25.8 peratus pada November 2023.

"Melihat kepada prestasi bulanan, IP juga meningkat 0.3 peratus, disumbangkan oleh Indeks Perusahaan Bursa Malaysia dan bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan, masing-masing menyumbang 0.5 peratus," katanya dalam satu kenyataan.

DOSM berkata, kadar pertum-

buhan IP terlicin bagi Disember 2023 kekal di bawah trend 100.0 mata.

Ia berkata, meskipun masih berada di bawah trend, ekonomi Malaysia dijangka akan lebih baik dalam tempoh terdekat disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dan keadaan pasaran pekerjaan yang stabil.

Merujuk kepada senario ekonomi semasa, DOSM berkata, Indeks Serentak (IS) meningkat 2.3 peratus kepada 123.1 mata

pada Disember 2023 berbanding 120.3 mata pada bulan sama tahun sebelumnya.

Ia berkata, peningkatan itu disumbangkan oleh semua komponen kecuali Indeks Pengeluaran Perindustrian (-0.1 peratus).

Walau bagaimanapun, katanya, IS menyusut 0.5 peratus bulan ke bulan berikutnya prestasi Indeks Pengeluaran Perindustrian yang tidak memberangsangkan (-0.3 peratus).